

TARIKH: 2/3/2023
SURAT KHABAR: Berita Harian
MUKA SURAT: 8



Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing dilaksana bermula 17 Januari sehingga 31 Mac ini. (Foto hiasan)

'Jangan berhentikan pekerja tempatan ambil rakyat asing'

Dari Muka 1

"Aduan terbaharu yang saya terima membabitkan pemberhentian 102 pekerja tempatan di Pulau Pinang," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sebelum ini, sebuah portal melaporkan, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mengemukakan tindakan pengurusan syarikat pembuatan di Nilai, Negeri Sembilan, yang didakwa 'menganaktirikan' pekerja tempatan dengan menggajikan buruh asing untuk menggantikan mereka.

Mengulas lanjut, Sivakumar berkata, Kerajaan Perpaduan amat prihatin dengan keperluan mendesak berkaitan kekurangan guna

tenaga, khususnya guna tenaga asing di sektor industri yang kritikal.

"Sehubungan itu, KSM dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri telah melaksanakan Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing (PKPPA) bermula 17 Januari sehingga 31 Mac ini.

"Ia untuk menyegerakan kelulusan permohonan kuota pekerja asing di lima sektor kritikal, iaitu perladangan, perkilangan, pembinaan, pertanian dan perkhidmatan (restoran).

"Saya ingin menasihatkan majikan bahawa kekosongan pekerjaan di dalam negara perlu diberi keutamaan kepada rakyat dan pekerja tempatan," katanya.